

7 Julai 2023

**SIARAN MEDIA**  
Untuk Hebahan Segera



## **IR MALAYSIA LANCAR KEMPEN MYYATEEM, BANTU ANAK YATIM DI LEBIH 25 NEGARA**

**Bangi** – Islamic Relief Malaysia (IR Malaysia) hari ini melancarkan kempen MyYateem yang membawa slogan #CareForOrphan dengan sasaran dana sebanyak RM1 juta untuk membantu anak-anak yatim di lebih 25 buah negara termasuk Palestin, Syria, Yaman, serta negara-negara Afrika seperti Somalia dan Sudan.

Ketua Pegawai Eksekutif IR Malaysia, Mohd Shukor Tahir berkata, melalui kempen tersebut, pihaknya ingin mengajak orang ramai untuk memuliakan anak yatim dengan mengambil tahu serta prihatin akan keadaan dan keperluan semasa anak-anak yatim ini.

“Kebanyakan anak yatim yang Islamic Relief bantu adalah kanak-kanak yang telah kehilangan ibu bapa atau penjaga akibat peperangan, bencana alam, kemiskinan, masalah kesihatan dan sebagainya.

“Sebagai sebuah NGO yang membantu golongan memerlukan melalui pelbagai sektor bantuan, Islamic Relief akan memastikan setiap golongan sasar termasuk anak yatim ini mendapat bantuan sewajarnya,” katanya.

Tambah Mohd Shukor, pihaknya membawa kelainan pada kempen yang dijalankan setiap tahun itu dengan memperkenalkan dua pakej utama iaitu Kasih MyYatem/*MyYateem Care* dan Tajaan MyYateem/*MyYateem Sponsorship*.

“Menerusi Kasih MyYateem, dana yang terkumpul dengan sumbangan serendah RM10, akan disalurkan untuk membantu anak-anak yatim ini melalui bantuan pendidikan tinggi, kesihatan, makanan asas, serta bantuan saraan keluarga.

“Untuk Tajaan MyYateem pula, orang ramai yang berminat boleh menaja seorang anak yatim sekurang-kurangnya untuk tempoh dua tahun dengan komitmen sebanyak RM350 setiap bulan. Sumbangan bulanan ni akan digunakan untuk menampung perbelanjaan harian seperti makanan, pendidikan, perubatan dan perlindungan,” jelas Mohd Shukor.

Kempen MyYateem #CareForOrphan ini dilihat sebagai salah satu ruang dan peluang untuk membantu anak yatim di saat mereka sangat memerlukan sokongan.

“Islamic Relief bukan sahaja memberi bantuan bersifat jangka masa pendek, bahkan bantuan juga meliputi tempoh masa yang panjang supaya suatu hari nanti, anak-anak ini mampu bangkit dalam kehidupan mereka dan menjadi seseorang yang berjaya dan membantu pula masyarakat mereka,” tambahnya lagi.

Dengan sumbangan orang ramai, setakat ini, Islamic Relief telah menaja lebih 85,000 orang anak yatim dan membantu lebih 200,000 anak yatim di 26 buah negara melalui pelbagai projek bantuan.

Mereka yang ingin mengetahui maklumat lanjut atau menyertai kempen MyYateem #CareForOrphan, boleh layari laman sesawang [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my) atau hubungi 03-8926 3434.

- TAMAT -

---

### **Mengenai Islamic Relief**

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 150 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

## **Mengenai Islamic Relief Malaysia**

Islamic Relief Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjana dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai Islamic Relief Malaysia boleh diperoleh di [www.islamic-relief.org.my](http://www.islamic-relief.org.my)

---

Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi Korporat, Pejabat KPE Islamic Relief Malaysia. Untuk keterangan lanjut, hubungi Zafirah Zahari di talian 019-220 1788 atau e-mel ke [Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my](mailto:Zafirah.Zahari@islamic-relief.org.my)